

LOCAL ONLINE MEDIA COVERAGE

Headline	AMMI Sokong Pengenalan Rang Undang-undang Peranti Perubatan
Source	Bernama Online http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsbusiness.php?id=579214
Date	14 April, 2011 21:34 PM

AMMI Sokong Pengenalan Rang Undang-undang Peranti Perubatan

KUALA LUMPUR, 14 April (Bernama) -- Persatuan Industri Perubatan Malaysia (AMMI) menyokong pembentangan Rang Undang-undang Peranti Perubatan kerana ia akan membolehkan industri yang berkembang itu meraih manfaat liputan yang lebih baik serta kemasukan pelaburan langsung asing yang lebih besar.

Rang Undang-undang itu dijangka dibentangkan di Parlimen pada persidangan Jun ini.

Pada 2009, syarikat AMMI merekodkan jualan bernilai RM4.38 bilion, dan angka itu meningkat kepada RM4.7 bilion tahun lepas.

Pengerusi AMMI Daniel Lim berkata kelebihan penguatkuasaan undang-undang itu kepada negara dan industri itu ialah produk diperakui dalam pasaran antarabangsa atas standard dan keselamatannya.

Lim mengulas kenyataan Menteri Kesihatan Datuk Seri Liow Tiong Lai baru-baru ini yang menyebut rang undang-undang itu bertujuan menghalang mesin dan peralatan perubatan yang tidak selamat dan tidak bermutu daripada memasuki pasaran.

Beliau berkata industri itu besar dan mempunyai potensi pertumbuhan yang baik.

"Rang undang-undang itu dibentangkan pada masa yang tepat untuk memperkukuh pertumbuhan dan memastikan pengguna mendapat yang terbaik daripada produk-produk kami," katanya.

-- BERNAMA